Pendakwa Raya lwn Wahid bin Yaakob

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–10–1995
NIK HASHIM PK
4 MEI 1996

Acara Jenayah *— Hukuman — Faktor peringanan — Tertuduh mengaku salah semasa perbicaraan atas pertuduhan yang dikemukakan — Sama ada kredit atau diskaun daripada hukuman asal patut diberikan — Peranan mahkamah — Akta Dadah Berbahaya s 39A(2)*

Tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya seberat 11,389.6g di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu'). Namun begitu, pada hari perbicaraan yang telah ditetapkan, pihak pendakwaan telah menurunkan pertuduhan kepada kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s 6 yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta itu. Fakta kes yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan bahawa tertudah telah ditahan serta diperiksa oleh dua anggota polis yang sedang membuat rondaan di kawasan Jalan Besar, Rantau Panjang. Semasa pemeriksaan tersebut, tertuduh didapati membawa kotak yang berisi bahan-bahan tumbuhan kering yang dibungkus di dalam tujuh bungkusan yang berlainan yang disyaki ganja. Tertuduh ditangkap dan seterusnya dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang bersama-sama isi kotak tersebut. Laporan kimia telah mengesahkan bahawa tumbuhan kering di dalam bungkusan-bungkusan tersebut adalah cannabis seperti yang ditakrifkan di dalam s 2 Akta itu dan berat bersihnya adalah sebanyak 11,389.6g. Setelah mendengar dan memahami fakta kes serta pertuduhan yang telah diringankan oleh pihak pendakwaan, tertuduh telah mengaku salah atas kesalahan tersebut. Pihak pembelaan telah merayu kepada mahkamah supaya hukuman diringankan.

Diputuskan, menyabitkan tertuduh dan menjatuhkan hukuman yang sewajarnya:

(1) Di dalam menentukan hukuman di dalam kes-kes di bawah s 39B Akta itu, mahkamah tidak boleh bertolak ansur dengan kesalahan berkaitan dengan dadah dan mesti mengambil pendirian tegas di dalam menjatuhkan hukuman sewajarnya ke atas tertuduh di bawah s 39A(2) Akta itu. Jika tidak, maksud penggubalan seksyen tersebut yang mengenakan hukaman penjara seumur hidup atau penjara tidak kurang daripada lima tahun dan sebatan rotan tidak kurang daripada sepuluh sebatan akan menjadi sia-sia sahaja (lihat ms 33E–F); *PP v Yeoh Eng Khuan* [1976] 1 MLJ 238 dan *PP v Kamaruzaman bin Yusof* (Kes Jenayah No 45–15–93 Mahkamah Tinggi, Kota Bharu) (tidak dilaporkan) diikut.

(2) Apabila seseorang tertuduh mengaku salah atas pertuduhan yang dikemukakan, adalah menjadi suatu rukun amalan bahawa

tertuduh tersebut diberi kredit atau diskaun antara ¼ atau ⅓ daripada hukuman yang sepatutnya dikenakan sekiranya tertuduh dibicarakan dan didapati bersalah (lihat ms 33F); *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 dan *PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 diikut.

(3) Selepas mengambil kira segala prinsip-prinsip yang berkenaan termasuk berat dadah yang terbabit, perihal latar belakang tertuduh, kepentingan awam serta kepentingan tertuduh, diskaun ¼ akan diberikan kepada tertuduh yang telah mengaku salah dan beliau akan dihukum penjara selama 14 tahun berkuatkuasa mulai tarikh tangkapan dan sebatan minimum sepuluh sebatan (lihat ms 33I–34A); *Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164 dan *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 diikut.

[English summary

The accused was charged for trafficking dangerous drugs weighing 11,389.6g under s 39B of Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). However, on the day of the trial, the prosecution reduced the charge to one of possession of dangerous drugs under s 6 which was punishable under s 39A(2) of the Act. The facts of the case presented by the prosecution showed that the accused was stopped and searched by two police officers while they making their rounds at the Jalan Besar, Rantau Panjang area. During the search, the accused was found to have with him a box containing dried leaves which were in seven different packs and suspected to be cannabis. The accused was arrested and was subsequently brought to the Rantau Panjang police station together with the contents of the box. The chemist report confirmed that the dried leaves were cannabis as defined under s 2 of the Act and the net weight 11,389.6 grammes. After hearing and understanding the facts of the case and the reduced charge brought by the prosecution, the accused pleaded guilty to the said offence. The defence pleaded to the court for a lighter sentence for the accused.

Held, convicting the accused and sentencing him accordingly:

(1) In deciding the sentence in cases under s 39B of the Act, the court could not be lenient with any offence relating to drugs and must take a firm stand in sentencing the said accused under s 39A(2) of the Act. Otherwise, the purpose of the drafting of the section which imposed a life sentence or imprisonment not less than five years and whipping of not less than ten strokes would be futile (see p 33D–F); *PP v Yeoh Eng Khuan* [1976] 1 MLJ 238 and *PP v Kamaruzaman bin Yusof* (Criminal Case No 45–15–93 High Court, Kota Bharu) (unreported) followed.

(2) When an accused had pleaded guilty to a charge put forth, it was a rule of practice that the accused be given a 'credit' or 'discount' of ¼ or ⅓ off the sentence that would have been imposed had the

accused been tried and found guilty (see p 33F); *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 and *PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 followed.

(3) After considering all the applicable principles including the weight of the the drugs involved, the background of the accused, the public interest and the interest of the accused, a discount of ¼ would be given to the accused and he would be sentenced to 14 years' imprisonment to take effect from the date of arrest together with the minimum whipping of ten strokes (see pp 33I–34A); *Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164 and *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai faktor peringanan di mana tertuduh mengaku salah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan-perenggan 2519–2521.

Kes-kes rujukan

Kenneth John Ball (1951) 35 Cr App R 164
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167
PP v Kamaruzaman bin Yusof (Criminal Case No 45–15–93 High Court, Kota Bharu)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45
PP v Yeoh Eng Khuan [1976] 1 MLJ 238

Undang-undang rujukan

Akta Dadah Berbahaya ss 6, 39B 39A(2)
Akta Keadilan Jenayah 1953 s 3

Alias bin Abdullah (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak Pendakwa Raya.

Hj Badrul Hisham bin Hj Mohd (*Hamid Badrul Azmi Tan*) bagi pihak tertuduh.

Cur Adv Vult

Nik Hashim PK: Tertuduh, 34, seorang warganegara Thailand, pada mulanya telah menghadapi pertuduhan mengedar dadah berbahaya cannabis seberat 11,389.6g di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu'), yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan. Akan tetapi pada hari perbicaraan yang ditetapkan, pihak pendakwaan telah menurunkan pertuduhan kepada kesalahan memiliki dadah sedemikian di bawah seksyen 6 dan dihukum di bawah s 39A(2) Akta itu.

Tertuduh memahami Bahasa Melayu.

Selepas pertuduhan pindaan ('P2') dibaca dan diterangkan, tertuduh mengaku salah atas kesalahan yang lebih ringan itu. Beliau memahami sifat dan akibat pengakuan salahnya. Pihak pendakwa membaca fakta kes dan seterusnya mengemukakan barang-barang kes sebagai ekshibit.

Selepas berpuas hati bahawa tertuduh telah memahami dan mengakui benar fakta-fakta kes yang dikemukakan, mahkamah menerima pengakuan salah dan sabitkannya.

Fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwa adalah seperti berikut:

1 Pada 19 April 1994 jam 7.25 malam ketika Kpl 60186 Mohd Daud bin Ab Rahman pengadu kes ini (yang kemudian disebut 'A1') membuat rondaan berkenderaan menaiki kenderaan pacuan Pajero di kawasan Jalan Besar Rantau Panjang berdekatan kedai runcit No 475, bersama-sama sepasukan anggota polis yang diketuai oleh K/Insp Amran bin Ramli (yang kemudian ini disebut 'A3'), A1 telah nampak seorang lelaki sedang keluar dari lorong kedai yang berhampiran sambil memikul sebuah kotak.

2 A3 telah mengarahkan A1 and Kpl 73174 Wan Mohd Zain (yang kemudian ini disebut 'A2') turun dari kenderaan dan menghampiri lelaki tersebut.

3 Setelah menghampirinya, A1 telah memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis dan menahan lelaki tersebut untuk diperiksa.

4 A1 telah membuat pemeriksaan ke atas kotak yang dibawa oleh lelaki tersebut manakala A2 membuat pemeriksaan badan. Hasil pemeriksaan, A1 telah menemui dari dalam kotak tersebut buah-buah pauh (mangga) di bahagian atasnya, dan di bahagian bawahnya dilitupi plastik cerah dan di bawahnya ditemui beberapa bungkusan mampat yang dicellotape dengan cellotape berwarna kuning.

5 Semasa A1 cuba untuk mengoyak bungkusan bercellotape tersebut, lelaki itu terus melarikan diri beberapa langkah tapi berjaya ditahan di kawasan berhampiran setelah dibantu oleh A2 dan A3 dalam satu pergelutan.

6 A1 meneruskan pemeriksaannya ke atas kotak tersebut dengan disaksikan oleh lelaki tadi dan A2 serta A3. A1 mendapati kotak yang dibawa oleh lelaki tersebut bertanda A bertulisan Siam warna merah, di dalam kotak tersebut berisi buah-buah pauh dan di bawahnya terdapat tujuh bungkusan mampat yang setiap satu berisi bahan-bahan tumbuhan kering dan disyaki ganja.

7 A1 terus menangkap lelaki tersebut dan mendapati butir-butir peribadi lelaki tersebut sebagai Wahid bin Yaakob seorang warganegara Thailand (yang kemudian ini disebut 'tertuduh').

8 Kemudian tertuduh dan barang-barang kes dibawa balik ke Balai Polis Rantau Panjang dan A1 membuat Laporan Polis sepertimana Rantau Panjang Repot No 799/94.

9 Laporan Kimia No Makmal (KT) FOR 472/92–0 bertarikh 14 Februari 1995 mengesahkan bahawa bahan tumbuhan kering di dalam ketujuh-tujuh bungkusan tersebut adalah cannabis seperti yang ditakrifkan di

dalam s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan berat bersihnya adalah sebanyak 11,389.6g.

Pada hari ini tertuduh dituduh telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama.

Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, Tuan Hj Badrul Hisham bin Hj Mohd, peguambela yang bijaksana telah mengatakan bahawa tertuduh ialah seorang penoreh getah, telah berkahwin, dan menjadi penanggung tunggal kepada ibu yang berumur 80 tahun. Beliau melakukan kesalahan untuk mencari wang saku dan ia merupakan kesalahan pertama yang cukup memberi kesan dan insaf kepada tertuduh, dan dengan itu tertuduh berjanji tidak akan mengulangi kesalahan lagi.

Bagi pihak pendakwaan, Timbalan Pendakwa Raya, Encik Alias bin Abdullah memohon supaya suatu hukuman deteren dikenakan untuk mengajar tertuduh dan menghindarkan orang ramai daripada melakukan kesalahan itu dengan mengambil kira amaun dadah yang terlibat.

Dalam menentukan hukuman yang patut dikenakan, saya telah mengambil kira kepentingan awam (*Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164), kerana mahkamah tidak boleh bertolak ansur dengan kesalahan berkaitan dengan dadah. Sekiranya mahkamah tidak mengambil pendirian tegas dalam menjatuhkan hukuman sewajarnya ke atas orang-orang yang bersalah di bawah s 39A(2) Akta itu, maka maksud penggubalan seksyen tersebut yang mengenakan hukuman penjara seumur hidup atau penjara tidak kurang lima tahun dan juga sebatan rotan tidak kurang daripada sepuluh sebatan, akan menjadi sia-sia (lihat *PP v Yeoh Eng Khuan* [1976] 1 MLJ 238; *PP v Kamaruzaman bin Yusof* (Criminal Case No 45-15-93 High Court, Kota Bharu) (tidak dilaporkan)).

Hukuman penjara seumur hidup ertinya pemenjaraan selama 20 tahun: s 3 Akta Keadilan Jenayah 1953 (Semakan 1988). Seandainya tertuduh tidak mengaku salah atas kesalahan dan didapati bersalah selepas perbicaraan, dan memandangkan fakta kes dan kuantiti cannabis yang banyak dalam milikan tertuduh, saya tidak teragak-agak menjatuhkan hukuman penjara selama 19 tahun dan 15 sebatan dalam kes ini.

Walau bagaimanapun, adalah suatu rukun amalan yang sudah diterima bahawa tertuduh harus diberi kredit atau diskaun antara ¼ dan ⅓ daripada hukuman yang patut dikenakan sekiranya tertuduh minta dibicara dan didapati bersalah, apabila tertuduh mengaku salah (*Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 SC), yang mana prinsip itu telah diikuti dalam kes *PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45.

Selepas mengambil kira prinsip-prinsip tersebut, berat cannabis yang terbabit dan perihal latar belakang tertuduh, dan dalam mengimbangkan kepentingan awam dengan kepentingan tertuduh (*PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256) bagi maksud menentukan suatu hukuman yang saksama, mahkamah telah memberi diskaun ¼ kerana tertuduh telah mengaku salah dengan menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 14 tahun berkuatkuasa

mulai tarikh tangkapan 19 April 1994 dan mengenakan sebatan minimum sepuluh sebatan, dengan harapan tertuduh akan sedar dan insaf kesilapannya untuk mencari wang saku secara begini, dan sekaligus memberi amaran kepada orang umum bahawa mahkamah memandang berat kesalahan dadah berbahaya.

Tertuduh disabit dan dihukum.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin